

# **MAJLIS PERBANDARAN NILAI**

## **Jawatan Kosong**

1. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Sembilan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

2.

<b>Nama Jawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Taraf Jawatan</b>	<b>Kumpulan</b>	<b>Klasifikasi</b>	<b>Jadual Gaji</b>
Pegawai Teknologi Maklumat ( 3 kekosongan)	F41	Kontrak (1 tahun)	Pengurusan Dan Profesional	Sistem Maklumat	RM 2,315.00 RM 9,618.00

3. **BIDANG TUGAS:**

- i. Bertanggungjawab dalam penyelarasan, pengurusan, pelaporan serta pemantauan projek-projek penggabungan ICT Majlis Perbandaran Nilai (MPN) dan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) Menjadi Majlis Bandaraya Seremban;
- ii. Menyelaras, memantau dan memastikan pelaksanaan projek memenuhi skop projek dan mematuhi jadual yang telah ditetapkan bagi kerja berikut :
  - a. Penggabungan sistem Aplikasi MPS dan MPN
  - b. Kerja-kerja teknikal infrastruktur ICT
  - c. Urusan perpindahan perkakasan ke bangunan baru;
- iii. Menyemak dan memastikan serahan projek memenuhi keperluan yang ditetapkan;
- iv. Memberi penyelesaian kepada isu-isu teknikal yang timbul semasa pelaksanaan projek;
- v. Memantau kemajuan pelaksanaan projek berdasarkan kontrak serta jadual-jadual yang telah dipersetujui;

- vi. Menyemak dan memastikan serahan projek melalui proses jaminan kualiti serta menepati standard yang ditetapkan;
  - vii. Memantau pengujian dan pertauliahan kerja yang telah disediakan oleh pihak kontraktor yang dilantik oleh MPN dan MPS;
  - viii. Melaporkan status kemajuan projek kepada Jawatankuasa Teknikal ICT Bandaraya;
  - ix. Mengurus, memantau dan mentadbir kontrak bagi setiap projek penggabungan ICT MPN dan MPS.
  - x. Lain-lain tugas yang diarahkan dari masa kesemasa.
4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- i Warganegara Malaysia;
  - ii Berumur tidak kurang dari 18 tahun
5. **SYARAT-SYARAT LANTIKAN** :
- 1. (i) Mempunyai pengalaman tidak kurang daripada 5 tahun dalam bidang berkenaan.
  - (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,315.00); atau
  - (iii) Ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,522.44); atau

- (iv) Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,833.78); atau

- (v) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM3,145.11).

- (vi) Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred F41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**6. CARA MEMOHON :**

Emelkan salinan (yang telah diakui sah oleh pegawai kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional ) sijil kad pengenalan, sijil – sijil kelayakan, transkrip bagi sijil berkenaan, gambar berukuran passport, Resume beserta Surat Iringan (Cover Letter) yang memaklumkan nama jawatan yang dipohon ke alamat [fasha@mpn.gov.my](mailto:fasha@mpn.gov.my) dan [farah@mpn.gov.my](mailto:farah@mpn.gov.my).

**7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN :**

**20 APRIL 2018 (JUMAAT)**